



Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM DPMS
TUAN SPEAKER DEWAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

MEMO



Tarikh : 8 Oktober 2012
 Kepada : Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
 Dewan Negeri Selangor
 Rujukan kami : (117) dlm/TCK/12


CADANGAN PERINTAH TUAN SPEAKER 1/2012


Merujuk kepada perkara tersebut di atas, sila maklumkan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Y.B. Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan semua Y.B. Ahli Dewan Negeri bahawa satu taklimat akan diadakan pada 22 Oktober 2012, jam 2.30 petang di Bilik Gerakan, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor bagi menerangkan garis panduan yang diperuntukkan dalam cadangan Perintah tersebut yang bakal digunapakai pada sidang mesyuarat Dewan Negeri akan dating.

Bersama-sama ini dilampirkan salinan cadangan Perintah tersebut untuk diedarkan kepada semua pihak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,


DATO' TENG CHANG KHIM

Jawatan	Tindakan
KPSU (Dewan)	
PSU (MMKN)	✓
PSU (Dewan)	
PSU (Pentadbiran)	
PAC	
Catatan Edarkan dlm mesy. mmkn. ih  SUB (Dewan MMKN)	

PERINTAH TUAN SPEAKER

No. 1/2012

Menurut kuasa yang diberikan oleh Peraturan Tetap 88, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dengan ini adalah diperintahkan bahawa garis panduan berikut akan digunapakai dalam mesyuarat Dewan Negeri berkuatkuasa serta-merta:-

1. Berkenaan Peraturan Tetap 24

- (i) Masa untuk Menteri Besar memberi jawapan mulut kepada setiap pertanyaan adalah terhad kepada 3 minit.
- (ii) Masa untuk Ahli mengeluarkan pertanyaan tambahan adalah terhad kepada 30 saat.
- (iii) Masa untuk Menteri Besar memberi jawapan mulut kepada pertanyaan tambahan adalah terhad kepada 3 minit.

2. Berkenaan Peraturan Tetap 26

- (i) Bagi usul yang memerlukan pemberitahu yang dibawa oleh mana-mana Ahli, ianya hendaklah dicadangkan oleh pencadang usul dan disokong oleh seorang Ahli yang lain sebelum ianya dibenarkan untuk dibahaskan.
- (ii) Sesuatu usul yang dicadangkan itu akan digugurkan sekiranya tidak memperolehi sokongan daripada seorang Ahli yang lain.
- (iii) Masa untuk pencadang dan penyokong usul untuk berucap adalah terhad kepada 15 minit.

- (iv) Masa untuk mana-mana Ahli yang mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas usul berkenaan adalah terhad kepada 10 minit.
- (v) Selepas dibahaskan usul berkenaan, Menteri Besar berhak memberi jawapan atau penerangan selepas tamat perbahasan ke atas usul tersebut dan masa untuk berucap adalah terhad kepada 15 minit.
- (vi) Selepas itu, Menteri Besar menjawab atau memberi penerangan, pencadang usul berhak untuk membuat penggulungan dan masa untuk berucap adalah terhad kepada 5 minit.
- (vii) Selepas penggulungan oleh pencadang usul, maka usul tersebut bolehlah dikemukakan untuk diputuskan.
- (viii) Usul yang digugurkan atau ditolak bolehlah dicadangkan semula pada sidang Dewan Negeri yang akan datang.

3. Berkenaan Peraturan 66(4)

- (i) Masa yang diperuntukkan bagi membincangkan setiap kepala perbelanjaan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan atau maksud dalam jadual Rang Undang-undang hendaklah tidak kurang daripada 1/2 jam.
- (ii) Masa yang diberikan untuk seseorang Ahli bagi membincangkan mana-masa satu kepala perbelanjaan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan atau maksud dalam jadual dalam Rang Undang-undang hendaklah sekurang-kurangnya 10 minit.

- (iii) Menteri Besar hendaklah menjawab pertanyaan atau perkara yang dibangkitkan oleh Ahli yang berucap dalam tempoh masa apabila Ahli berkenaan berucap.
- (iv) Sekiranya Ahli yang berucap tidak memberi peluang kepada Menteri Besar menjawab dalam tempoh masa ketika Ahli tersebut berucap, maka Menteri Besar boleh diberi 5 minit untuk menjawab dan dalam tempoh masa menjawab tersebut, tiada mana-mana Ahli boleh mencelah.
- (v) Semasa seseorang Ahli sedang bercakap, Ahli lain yang ingin bercakap hendaklah mendapat izin daripada Ahli yang sedang bercakap.
- (vi) Pada akhir perbincangan mana-mana kepala Anggaran-anggaran Perbelanjaan atau maksud dalam jadual Rang Undang-undang, Menteri Besar boleh meminta izin untuk membuat penggulungan selama 3 minit.

4. Walau apa pun yang diperintahkan di sini, Tuan Speaker atas pertimbangannya bolehlah melanjutkan had masa yang ditetapkan mengikut keadaan dan keperluan semasa.
